

## Polis, bomba pedih mata disembur cecair penghalau beruang

KUALA LUMPUR - Lapan anggota polis dan lima anggota bomba mengalami pedih mata selepas disembur sejenis cecair pemedih mata digunakan untuk menghalau beruang oleh seorang wanita di sebuah residensi Mont Kiara, Jalan Dutamas Raya, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner R Munusamy berkata, dalam kejadian jam 3.15 petang itu, anggota polis dan bomba terbabit berada di kediaman berkenaan bagi membantu pemilik rumah tersebut memecah pintu unit kediamannya yang disewa seorang wanita warga Amerika Syarikat.

"Sebelum itu, pemilik kediaman telah ke unit rumah itu



- Lapan polis, lima bomba

- Rumah disewa warga AS

bersama seorang tukang kunci untuk memperbaiki mangga pintu rumah selepas pihak pengurusan residensi memaklumkan kerosakannya.

"Pada awalnya, pemilik rumah sangka rumah tidak ada orang, tapi bila dia dan jurukunci hendak menukar kunci mangga, didapati pintu rumah sewa suspek tidak boleh dibuka dan telah ditahan dengan benda berat.

"Bila mereka tolak pintu,

tiba-tiba pintu terbuka dan suspek terus menyembur semburan cecair berbahaya ke muka mereka," katanya.

Munusamy berkata, terkejut dengan tindakan agresif suspek, pemilik rumah sewa menghubungi polis dan bomba untuk mendapatkan khidmat khas bagi memecahkan pintu rumah suspek.

"Anggota polis dan bomba yang tiba kemudian, mengetuk pintu rumah sebelum turut disembur dengan cecair sama. Semua mereka dikejarkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk rawatan," katanya.

Beliau berkata, tidak lama kemudian, sepasukan anggota polis berjaya memujuk suspek

yang berusia 44 tahun itu menyerah diri dan kes disiasat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan.

Menurutnya, suspek mengaku menyembur pemedih mata ke arah anggota polis dan bomba, manakala punca kejadian masih dalam siasatan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahan mengesahkan lima anggotanya mengalami pedih mata akibat semburan itu.

"Mereka cuba membersihkan mata dengan membasuhnya guna air, bagaimanapun, akhirnya dikejarkan ke HKL untuk rawatan," katanya. - *Bernama*